

JPS Updates

SUKAN DWI TAHUNAN KALI KE-XIV JPS MALAYSIA 2016



**MAJLIS SAMBUTAN HARI
RAYA AIDILFITRI 2016 1NRE
#SYUKUR1NRE
m/s 04**



**MESYUARAT 'JOINT TECHNICAL
WORKING GROUP (JTWG)' KE-34
BAGI PROJEK USAHASAMA
MALAYSIA - THAILAND
m/s 07**



**MAJLIS RAMAH MESRA
YBHG. DATO' KP BERSAMA
BAKAL PESARA BULAN OGOS
DAN SEPTEMBER 2016
m/s 09**





TAHNIAH PENGARAH KANAN DI ATAS PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN SULTAN PAHANG

Oleh: Bahagian Korporat

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) JPS Malaysia di atas penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri Pahang-Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP).

MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA (JTJPS) BIL 2/2016

Oleh : Bahagian Korporat

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JTJPS) telah berlangsung pada 21-22 Julai 2016 di Universiti Malaysia Terengganu yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YBrs. Dr. Md. Nasir Bin Md. Noh, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar), YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Pengarah Kanan JPS Malaysia, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan dan membuat pemantauan ke atas prestasi fizikal dan kewangan peruntukan pembangunan Jabatan dan Agensi.



PENGIKTIRAFAN KEPAKARAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR



Oleh: Bahagian Korporat

Pada 29 Julai 2016, Dr. Asnor Muizan bin Dato' Hj. Ishak, J52 (KUP) Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi dan Ir. Arman bin Mokhtar, J52 (KUP) Bahagian Pengurusan Zon Pantai telah diberikan Pengiktirafan Kepakaran Bidang Kursus (SUBJECT MATTER EXPERT – SME) oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sempena Majlis Perhimpunan Setia 1NRE. Syabas dan tahniah diucapkan kerana telah mengharumkan nama JPS Malaysia.

Sambutan MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1NRE #SYUKURINRE

Oleh : Bahagian Korporat

Pada 25 Julai 2016, bertempat di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli telah diadakan Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri 1NRE yang telah dihadiri oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tunku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Pegawai Tertinggi NRE, YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia, dan semua pegawai di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah memenangi tempat KEDUA bagi kategori Gerai Paling Terbaik dengan membawa tema Morocco dan Kumpluan Alun Santai juga telah menyampaikan persembahan di majlis tersebut. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pegawai yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan sambutan pada kali ini.



LAWATAN KERJA KP KE TERENGGANU 20 Julai 2016

JPS DAERAH SETIU



JPS DAERAH MARANG



JPS DAERAH KEMAMAN



JPS DAERAH DUNGUN



Kejohanan SUKAN DWI TAHUNAN 2016 JPS MALAYSIA KALI KE-XIV

Oleh : MAKSASAK JPS MALAYSIA

Pada 21 hingga 23 Julai 2016, telah berlangsung Kejohanan Sukan Dwi Tahunan JPS Malaysia Kali Ke-XIV 2016 bertempat di Terengganu, dianjurkan oleh MAKSASAK JPS Malaysia di bawah kelolaan oleh MAKSASAK JPS Terengganu.


Majlis perasmian telah diadakan pada 22 Julai 2016 bertempat di Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, Universiti Malaysia Terengganu dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Perasmian telah diadakan dengan penuh warna-warni dan disertai dengan bunga api dan paluan rebana.

Kejohanan Sukan ini telah berjaya memupuk semangat kerjasama serta setiakawan dalam suasana yang penuh muhibbah di kalangan semua warga JPS yang turun padang menjayakan keseluruhan acara, serta menjadi satu landasan penting untuk menjalin ukhwah dan lebih mengenali antara satu sama lain.

Majlis penutup yang diadakan pada 23 Julai 2016 pula menyaksikan pengumuman JPS Selangor sebagai tuan rumah seterusnya YBhg. Dato' Ketua Pengarah sebagai Penaung MAKSASAK JPS.

Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor berjaya mempertahankan kejuaraan keseluruhan Kejohanan dengan pungutan pingat sebanyak 7 emas, 6 perak dan 6 gangsa, menewaskan tuan rumah Terengganu di tempat kedua dengan 5 emas, 2 perak dan 3 gangsa. Berikut disertakan senarai jumlah pungutan pingat dari kesemua kontinjen :

BIL	NEGERI/PASUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH KESELURUHAN
1.	JOHOR	7	6	6	19
2.	TERENGGANU	5	2	3	10
3.	KEDAH	3	3	3	9
4.	KELANTAN	3	3	2	8
5.	SELANGOR	3	2	6	11
6.	KESSO	3	1	4	8
7.	KEJAPS	1	3	-	4
8.	PAHANG	1	2	3	6
9.	SABAH	1	2	-	3
10.	PULAU PINANG	1	-	3	4
11.	PERAK	-	2	6	8
12.	BPSP	-	1	3	4
13.	NEGERI SEMBILAN	-	-	3	3
14.	MELAKA	-	-	2	2
15.	SARAWAK	-	-	1	1
16.	PERLIS	-	-	1	1
17.	BPME	-	-	-	-



Aksi atlit JPS Malaysia



MESYUARAT PRA-VA

PROJEK PEMULIHARAAN MUARA SUNGAI SETIU, TERENGGANU

Oleh: Bahagian Pengurusan Zon Pantai

Bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah Setiu, satu pembentangan cadangan rekabentuk konsep kepada pihak-pihak berkepentingan telah diadakan pada 18 Julai 2016.

Sesi pembentangan ini telah diketuai oleh Ir. C. Poobalan, Pengarah JPS Negeri Terengganu dan turut hadir bersama iaitu En. Mohd Sor bin Othman, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Zon Pantai. Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan input awal daripada pihak-pihak berkepentingan yang hadir supaya jabatan dapat merumuskan keperluan-keperluan yang perlu diambil kira di dalam cadangan rekabentuk konsep projek berkenaan sebelum perlaksanaan Makmal Kajian Nilai (VA) dijalankan.



MESYUARAT

'JOINT EVALUATION TEAM (JET)' KE-29 BAGI PROJEK USAHASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA-THAILAND (PEMULIHARAAN MUARA SUNGAI GOLOK)

Oleh: Bahagian Pengurusan Zon Pantai (Unit Pemuliharaan Muara Sungai)

Pada 28 Julai 2016, satu Mesyuarat 'Joint Evaluation Team (JET)' Ke-29 Bagi Projek Usahasama Antara Kerajaan Malaysia-Thailand – Pemuliharaan Muara Sungai Golok telah diadakan di Hotel Awana, Genting Highlands. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Kapt. (B) Ir. Hj. Anuar bin Hj. Yahya, Pengarah, Bahagian Pengurusan Zon Pantai, JPS Malaysia (Ketua Delegasi Malaysia) dan Mr. Thanar Suwattana, Director, Office of Project Management, Royal Irrigation Department Thailand (Ketua Delegasi Thailand).

Seramai 15 Delegasi Malaysia dan 9 Delegasi Thailand termasuk Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai, Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir, Pengarah JPS Kelantan dan Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai telah menghadiri mesyuarat ini.

Tujuan diadakan mesyuarat ini adalah untuk berbincang, memantau dan mengukuhkan program kerjasama dua hala bagi pembaikan muara Sungai Golok. Selain itu, ia dilaksanakan bagi memastikan kepentingan sungai dan pantai Negara diambil kira dalam aktiviti pelaksanaan, pemantauan dan tindakan susulan bagi Projek Pembaikan Muara Sungai Golok serta menunjukkan komitmen dan kesungguhan kedua-dua pihak, pihak Thailand dan pihak Malaysia, melihat potensi perbadanan interaksi mereka untuk kepentingan bersama dan manfaat.



Mesyuarat JOINT TECHNICAL WORKING GROUP (JTWG)' KE-34 BAGI PROJEK USAHASAMA MALAYSIA-THAILAND

Oleh : Bahagian Pengurusan Zon Pantai (Unit Pemuliharaan Muara Sungai)

Pada 29 Julai 2016 dan bertempat di Hotel Awana, Genting Highlands telah diadakan Mesyuarat 'Joint Technical Working Group (JTWG)' ke-34 bagi Projek Usahasama Antara Kerajaan Malaysia-Thailand – Pemuliharaan Muara Sungai Golok. YBhg. Dato' Ir. Mohd Abdul Nassir bin Bidin, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes), JPS Malaysia (Ketua Delegasi Malaysia) dan Dr. Somkiat Prajamwong, Deputy Director General, Royal Irrigation Department, Thailand (Ketua Delegasi Thailand) merupakan pengerusi bagi mesyuarat ini.

Mesyuarat dihadiri seramai 25 Delegasi dari Malaysia dan 15 Delegasi dari Thailand yang merupakan pegawai-pegawai tertinggi dari pelbagai agensi kerajaan. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk menilai cadangan dan semua kajian bersama yang diusulkan oleh Joint Evaluation Team (JET) seterusnya memberi pengesyoran kepada Joint Steering Committee (JSC) dalam projek usahasama ini adalah bagi memastikan kepentingan sungai dan pantai Negara diambil kira dalam aktiviti pelaksanaan, pemantauan dan tindakan susulan bagi Projek Pembaikan Muara Sungai Golok.

THE 34th MEETING OF MALAYSIA-THAILAND JOINT TECHNICAL WORKING GROUP (JTWG) ON
GOLOK RIVERMOUTH IMPROVEMENT PROJECT

AWANA GENTING HIGHLANDS
29 JULY 2016




Program Pensijilan Pengurus Projek Bertauliah (CBAS) 2016



Oleh : Bahagian Projek Khas

Bahagian Projek Khas telah mengadakan Program Pensijilan Pengurus Projek Bertauliah (CBAS) dengan kerjasama JKR dan JPS pada 25 - 27 Julai 2016 di Dewan Dahlia, JPS Ampang. Seminar ini telah dirasmikan oleh Ir. Mohd. Rahim bin Kawangit, Pengarah Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB), JKR dan turut hadir bersama Ir. Hj. Abdullah bin Isnin, Pengarah Bahagian Projek Khas, JPS Malaysia.

Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi Pengurus dan Pasukan Projek di setiap peringkat di jabatan serta meningkatkan keupayaan Pengurusan Projek untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan dan responsif bagi memenuhi kehendak dan harapan pelanggan.



SEMINAR Keselamatan ICT

Oleh : Bahagian Pengurusan Maklumat

Pada 15 Julai 2016, Bahagian Pengurusan Maklumat telah mengadakan Seminar Keselamatan ICT di Dewan Dahlia, JPS Ampang. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato. Ir. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Pengarah Kanan JPS Malaysia.

Seminar ini diadakan sebagai perkongsian maklumat serta meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawai di JPS khususnya dalam serangan dan kawalan keselamatan ICT. Antara faedahnya ialah:

- Memberi kefahaman mengenai Dasar Keselamatan ICT JPS;
- Memberi kefahaman tentang isu-isu pengurusan integriti dan isu keselamatan; dan
- Memberi pengetahuan kepada peserta seminar bagi mengenal pasti jenis-jenis ancaman media sosial dan langkah-langkah keselamatan yang harus diambil.



Mesyuarat

STAKEHOLDER ENGAGEMENT BAGI PROJEK "CONSULTANCY SERVICES FOR THE DEVELOPMENT OF THE NATIONAL DAM SAFETY MANAGEMENT GUIDELINES (NDSMG) AND THE NATIONAL DAM SAFETY MANAGEMENT ACT (NDSMA)"

Oleh : Bahagian Rekabentuk Dan Empangan

Bertempat di Institut Pembangunan Modal Insan Zon Timur, Kota Bharu, Kelantan, satu mesyuarat telah diadakan pada 13-14 Julai 2016. Seramai 60 pegawai telah menghadiri mesyuarat ini yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Nadzri Bin Yahaya, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar. Turut hadir bersama YBrs. Dr. Md. Nasir Bin Md. Noh, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia dan Tuan Hj. Shahimi bin Sharif, Pengarah JPS Kelantan.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklum balas dari semua Stakeholder bagi melengkapkan dokumen NDSMG dan NDSMA serta bertukar-tukar maklumat serta berkongsi pengalaman mengenai operasi empangan terutamanya dari aspek kawalselia dan keselamatan empangan.



Taklimat

TEKNIKAL DAN INOVASI - "COST EFFECTIVE WIRELESS TELEMETRY COMMUNICATIONS VIA LATEST RADIO TECHNOLOGY" DAN "REAL-TIME ENERGY MANAGEMENT SYSTEM"

Oleh : Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal

Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal telah mengadakan satu sesi taklimat teknikal dan inovasi yang diadakan pada 29 Julai 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat BPME Kuala Lumpur. Taklimat ini telah diketuai oleh Ir. Mohd Yusof bin Ibrahim, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal, turut hadir bersama Ir. Muhammad Suhaimi bin Md. Ali, Ketua Penolong Pengarah Kanan dan Ir. Noorhazilah binti Baharin, Ketua Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Perancangan Korporat).

Taklimat ini diadakan bagi menggalakkan kerjasama di antara pelbagai agensi dan organisasi di dalam memantapkan sistem penyampaian data yang diterima daripada operasi serta pengurusan tenaga yang efektif di JPS Malaysia. Selain itu, ia sebagai satu medium perkongsian teknologi terkini untuk diperluaskan di infrastruktur JPS Malaysia serta memberi pendedahan kepada pegawai dan kakitangan dalam mewujudkan sistem yang inovasi bagi program-program pembangunan JPS.



Majlis Ramah Mesra

YBHG. DATO' KP BERSAMA BAKAL PESARA

BULAN OGOS & SEPTEMBER 2016

Oleh : Bahagian Khidmat Pengurusan

Pada 25 Julai 2016, YBhg. Dato' Ir. Hj. Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia bersama 12 orang bakal pesara telah bersama-sama dalam program bersiri ini sebagai suatu penghargaan Pengurusan Tertinggi kepada bakal pesara di atas khidmat bakti yang telah diberikan kepada Kerajaan terutamanya di Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Turut hadir memeriahkan program ini ialah YBrs. Dr. Md. Nasir Bin Md. Noh, Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar), YBhg. Dato' Ir. Nor Hisham Bin Mohd Ghazali, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), YBrs. Kapt. (B) Ir. Hj. Anuar Bin Hj. Yahya, Pengarah Pengurusan Zon Pantai.

Kami warga JPS mengucapkan selamat maju jaya dan selamat bersara.

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan

PENYELARAS
YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali

KETUA EDITOR
Ir. Haji Nishad Mohamed bin Haji C.j. Mohd. Shaffy

EDITOR
Yuslina binti Mohd Sani

PENOLONG EDITOR
Nor Hafizah binti Mohd Suhadis
Suriani binti Hassin
Thayalam A/L Sekaran
Noraini binti Samsudin
Noor Asmihan binti Abd Wahab

SUMBANGAN BERITA OLEH

Bahagian Korporat
Bahagian Pengurusan Maklumat
Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal
Bahagian Projek Khas
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Pengurusan Zon Pantai
Bahagian Rekabentuk dan Empangan
MAKSAS JPS Malaysia

DITERBITKAN DAN DIREKAGRAFIK OLEH

Unit Maklumat
Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50626 Kuala Lumpur

Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui :

Email : norhafizah@water.gov.my
No. Tel : 03-2615 1765

Email : surianihassin@water.gov.my
No. Tel : 03-2616 1449

Email : noraini_s@water.gov.my
No Tel : 03-2616 1461

SENARAI PESARA BAGI BULAN OGOS DAN SEPTEMBER 2016

PN. SABARIAH BINTI AHMAD (BPME IPOH) PN. NORLIA BINTI AHMAD (BSAH) EN. SHARUDIN BIN MOHAMAD ALI (BPLS)

IR. HJ. SAHAK BIN CHE ABDULLAH (JPS PAHANG)

CIK NAM MARIAM BINTI LONG CHIK (PEJABAT PK)

PN. RAMLAH BINTI MOHAMMAD (UPPP KELANTAN)

EN. AZAMAN BIN MD. ALI (MOA)

EN. HISHAM BIN JAFFAR (BPMI)

DATO' IR. ABDUL RAZAK BIN DAHALAN (JPS PERAK)

PN. NOORDIYANA LEE BINTI ABDULLAH (BPZP)

EN. HASHIM BIN MD ZAIN@ZAIN (PPP PERLIS)

IR. MOHD SA'ID BIN DIKON (BPLS)

IR. TEOH BOON PIN (PLSM)

PN. ZARINA BINTI ABDUL KHALID (BPME IPOH)

IR. HJ. MOHD ABU BAKAR BIN OTHMAN (JPS KEDAH)

EN. SHAHARUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN (BPME IPOH)

EN. ABD. GHANI BIN JAMALUDDIN (BPME IPOH)



